

Kawasan riadah jadi tempat buang sisa binaan

AMPANG - Kawasan riadah Kemensah di sini, dicemari tindakan tidak bertanggungjawab yang membuang sisa binaan secara haram.

Pekerja swasta, Jamal Ishak, 35, berkata, aktiviti itu dilihat mula dilakukan secara kecil-kecilan sejak beberapa bulan sebelum ini, dengan menggunakan lori kecil bagi mengangkut sisa binaan sebelum dilonggokkan di tepi jalan berhampiran sungai.

Menurutnya, ia tidak sepatutnya dibiarkan kerana ia akan menjejaskan kawasan berkenaan.

"Setahu saya, sudah ada tempat pembuangan sisa

binaan yang disediakan di Sungai Kertas, Gombak, tetapi ada yang datang buang di sini.

"Sisa-sisa binaan ini akan dibuang tidak kira waktu, kerana kawasan ini jarang dilalui," katanya kepada *Sinar Harian*.

Bagi penduduk, hanya mahu dikenali sebagai Omar, 47, aktiviti itu bukan perkara baru kerana terdapat satu tapak terletak berhampiran kawasan berkenaan yang dijadikan tempat longgokan sisa binaan dan sampah pulak lain.

Bagaimanapun katanya, tidak pasti sejauh mana lokasi itu mendapat kebenaran

untuk dijadikan tapak pembuangan sampah.

"Jika ia ada kebenaran sekalipun, pada saya tempat itu tidak sesuai kerana berhampiran dengan sungai, yang juga tempat riadah.

"Jika tidak terkawal, kawasan hijau di sini akan menjadi tempat pembuangan sampah sahaja," katanya.

Sementara itu, tinjauan *Sinar Harian* di lokasi berkenaan mendapati terdapat longgokan sisa binaan yang dibuang berdekatan sungai.

Satu lagi lokasi pembuangan pula dilihat diratakan namun terdapat timbunan sisa binaan dan roro (tong sampah besar) kosong.



Keadaan tempat pembuangan sisa binaan yang dilonggokkan pihak tidak bertanggungjawab.